

### BAHAGIAN A

[ 30 Markah ]

[Masa menjawab : 30 minit]

Maklumat di bawah berkaitan dengan kegiatan sukan dan rekreasi.

Huraikan pendapat anda tentang **kegiatan sukan dan rekreasi**.

Panjangnya huraian hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan**.

Kain cindai bawa berjalan,  
Buat mengibas nyamuk dan agas,  
Rajin dan tabah dalam bersukan,  
Minda cerdas jasmani cergas.

Pantun Mari Bersukan  
Sumber: Internet

Aktiviti rekreasi mempunyai pertalian dengan kualiti kehidupan seseorang termasuk dapat menghilangkan stres dan menimbulkan keseronokan.

Sumber: Berita Harian Online



**BAHAGIAN B  
( 70 MARKAH)**

*Bahagian ini mengandungi empat soalan. Jawab satu soalan.*

*Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.*

Soalan 1

E-Hailing seperti Grab, Maxim dan MyCar menjadi pilihan kerana bidang ini terbuka untuk sesiapa sahaja. Secara dasarnya, pemohon hanya perlu mempunyai lesen memandu dan kenderaan berusia 10 tahun ke bawah. Namun, kisah pemandu yang keluar pagi dan balik malam dengan tangan kosong menjadi kisah duka masyarakat yang perlu ditangani segera. Lebih menyukarkan keadaan apabila wujud persaingan harga dalam kalangan syarikat pengendali e-Hailing. Selain itu, kekurangan penumpang juga menambahkan kesengsaraan mereka.

Sumber: Sinar Harian Online

Berdasarkan petikan, huraikan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh pekerja dalam sektor e- Hailing.

Soalan 2

Menurut Byers (2003), terdapat banyak cara yang boleh dilakukan oleh pihak universiti untuk membantu pelajar menceburi bidang keusahawanan. Usahawan yang berjaya perlu mempunyai ciri-ciri seperti berminda kreatif. Mereka juga perlu memiliki daya saing yang tinggi, mampu membuat perubahan dan menggunakan peluang yang ada dengan baik.

Dipetik dan diubah suai daripada :  
<https://Penerapan-Kemahiran-Keusahawanan-Dalam-Kalangan-Pelajar>  
oleh :Sarebah Warman,RohayuRoddin

Petikan di atas menyatakan ciri-ciri untuk menjadi seorang usahawan yang berjaya. Bincangkan.

## Soalan 3

Persepsi kurang tepat terhadap bidang pertanian menjadi punca golongan muda kurang berminat untuk menceburi bidang tersebut. Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Chan Foong Hin berkata, hal ini dikatakan demikian kerana golongan itu mungkin berpandangan bidang pertanian satu pekerjaan yang susah kerana perlu bekerja di bawah panas matahari.

Sumber: Berita Harian Online

Huraikan peranan pelbagai pihak untuk meningkatkan minat generasi muda menceburi bidang pertanian.

## Soalan 4

Masyarakat yang baik terbentuk daripada institusi keluarga yang harmoni. Keluarga merupakan unit asas sosial yang terdiri daripada ibu bapa dan anak-anak lalu membentuk satu kumpulan. Keluarga dapat berfungsi dengan baik jika ketua keluarga memainkan peranan dengan menerapkan didikan agama, memberikan kasih sayang dan setiap ahli bergaul dengan baik antara satu sama lain.

Sumber: Berita Harian Online

Berdasarkan petikan di atas, huraikan tentang langkah-langkah untuk membina keluarga bahagia.